



RINGKASAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

TAHUN 2024

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA



ISI KANDUNGAN

BIL.	NAMA KUMPULAN	MUKA SURAT
1.	AMSAS-EZ – AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH	2
2.	TEAM MBOR – MARITIM NEGERI KELANTAN	3
3.	SKUAD KILAT – MN MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN	4
4.	KUMPULAN NGB – MARITIM NEGERI PAHANG	5
5.	INOVASI MN SELANGOR - MARITIM NEGERI SELANGOR	6
6.	4545 SQUAD – MARITIM NEGERI SARAWAK	7
7.	THE GUARDIAN ZMKK – ZON MARITIM KUALA KURAU	8
8.	SKUADRON BOT – MARITIM NEGERI SARAWAK	9
9.	MCG PROMAX - ZON MARITIM BINTULU	10
10.	KIK PERWIRA MNJ – MARITIM NEGERI JOHOR	11
11.	TIDAL WAVE – MARITIM NEGERI PULAU PINANG	12
12.	STARING SUMIT TEAM – MARITIM NEGERI SARAWAK	13

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	AMSAS-EZ	
NAMA PEJABAT	AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH (AMSAS)	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT (M) MOHD SUFIAN BIN ANUAR	
TAJUK PROJEK	EZ Asset	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p>Projek “EZ Asset” dilaksanakan khusus untuk menambah baik kaedah pengurusan aset alih di AMSAS. Pengurusan aset alih di AMSAS meliputi kawasan yang luas dan jumlah aset alih yang banyak dan bernilai. Projek ini dibangunkan bagi menyelesaikan masalah kelewatan pemulangan aset alih ke lokasi yang didaftarkan disebabkan kaedah kerja sedia ada bagi mengenal pasti maklumat sesuatu aset alih mengambil masa yang lama apabila berlaku perubahan lokasi aset alih disebabkan peminjaman atau pergerakan aset alih yang digunakan bagi pelaksanaan sesuatu program atau majlis di AMSAS.</p> <p>Perlaksanaan projek ini dapat menyelesaikan kekangan atau masalah yang timbul, mengurangkan bebanan tugas dan tanggungjawab kepada anggota yang terlibat dengan mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan memberikan kepuasan kepada warga AMSAS terhadap perkhidmatan Unit Pengurusan Aset (UPA).</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="width: 45%;"> <p>Imbas Kod QR menggunakan aplikasi yang tersedia di telefon pintar. Contoh aplikasi ialah seperti Google Lens/ Facebook dll.</p>  </div> <div style="width: 45%;"> <p>Maklumat aset akan dipaparkan melalui Google Form. Pengguna boleh merujuk perincian maklumat aset yang dicari melalui paparan.</p>  </div> </div> <p>VIDEO PROJEK</p> <p>https://drive.google.com/file/d/14GPzTcKnM6UrJ6dibX7u9D3REF-2DXaT/view?usp=sharing</p>	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024


NAMA KUMPULAN	TEAM MBOR	
NAMA PEJABAT	MARITIM NEGERI KELANTAN	
NAMA KETUA KUMPULAN	ENCIK MOHD RAZALI BIN MOHD DAUD	
TAJUK PROJEK	PENENGGELAMAN VESEL NELAYAN ASING BERSAMA TUKUN TIRUAN KONKRIT	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p>Projek Penenggelaman Tukun Tiruan Konkrit dan pelupusan vessel lucut hak ini merupakan cetusan idea MN Kelantan bagi meningkatkan produktiviti biologi dan sumber perikanan di kawasan persisiran pantai, menghalang dan mengawal aktiviti tangkapan pukat tunda, mewujudkan kawasan agro-tourism untuk aktiviti perikanan rekreasi dan selaman SCUBA dan berfungsi sebagai benteng penahan ombak dan sebagai tempat kajian dan penyelidikan saintifik. Hasrat cetusan idea ini bersesuaian dengan antara fungsi utama jabatan.</p> <p>Tukun tiruan ini akan mewujudkan suatu ekosistem yang berfungsi sebagai santuri dan dalam masa yang sama dapat menyediakan kawasan pembiakan serta nurseri untuk ikan dan hidupan marin lain. Ia akan memberikan faedah kepada komuniti maritim di perairan Kelantan khususnya nelayan di samping boleh mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku di pelantar minyak milik rakan strategi serta mengurangkan risiko kemalangan di tengah laut.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> 	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	SKUAD KILAT	
NAMA PEJABAT	MN MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT DYA (M) MOHD HAIDIR SUKRI BIN SAIFUDIN SUKRI	
TAJUK PROJEK	BODY UPLIFT STRETCHER (BOS)	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p><i>Body Uplift Stretcher (BOS)</i> di reka khas untuk mempermudah pengurusan bencana di lapangan, mengurangkan risiko kecederaan kepada mangsa dan meminimumkan kesulitan dalam proses mengangkat mangsa semasa operasi SAR. Peralatan ini dibangunkan dengan ciri-ciri yang lebih efisien, responsive kepada keperluan pelanggan dan pemegang taruh seperti pasukan penyelamat dan komuniti yang terlibat dalam insiden maritim.</p> <p>Projek ini menyumbang kepada penjimatan kos dan masa melalui penggunaan peralatan yang efisien. <i>Body Uplift Stretcher (BOS)</i> boleh dihasilkan dengan bahan terbuang seperti plastik atau komponen lain yang tidak digunakan lagi, menjadikannya mesra alam dan berkonsepkan 'zero cost'.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> 	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	KUMPULAN NGB	
NAMA PEJABAT	MARITIM NEGERI PAHANG	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT. KDR (M) ADZIZUL BIN LATIP	
TAJUK PROJEK	NEW GENERATION BATTALION (NGB)	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN

RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p><i>New Generation Baton (NGB)</i> direka khas untuk kegunaan anggota APMM apabila melakukan pemeriksaan dan pengeledahan di laut. Produk ini adalah inovasi khas yang membolehkan sebatang baton dilengkapi dengan pelbagai fungsi seperti lampu suluh, penyembur lada dan peranti pengesan GPS bagi anggota menggeledah. Ciri-ciri yang dilengkapi di dalam baton ini merupakan peralatan yang diperlukan ketika melakukan pemeriksaan kapal serta bot di laut. NGB boleh dipasarkan ke pasaran terbuka kerana struktur dan fungsinya yang lebih kompak, menarik dan mesra pengguna.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <div style="text-align: center; margin-top: 20px;">  </div>
-------------------------	---

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024


NAMA KUMPULAN	INOVASI MN SELANGOR	
NAMA PEJABAT	MARITIM NEGERI SELANGOR	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT (M) MOHAMMAD ASRAF BIN MAT YUSOF	
TAJUK PROJEK	KAD KECEMASAN MN SELANGOR	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN

TUJUAN

Projek ini bertujuan mewujudkan kad pintar yang mengandungi data peribadi anggota jika berlakunya kecemasan bagi anggota dan kakitangan APMM Negeri Selangor. Penghasilan **Kad Kecemasan** ini teretusnya apabila berlakunya kemalangan yang membabitkan anggota dari MN Selangor ketika di jalan raya. Daripada kemalangan tersebut, berlakunya kesukaran orang awam untuk memberikan bantuan rentetan kekurangan maklumat data peribadi yang ada pada anggota.

Kad ini dicipta sebagai identiti diri anggota yang berkhidmat di MN Selangor serta mempunyai maklumat peribadi waris yang mudah untuk dihubungi ketika kecemasan.

GAMBAR PROJEK



RINGKASAN PROJEK


VIDEO PROJEK

<https://drive.google.com/file/d/1j7GyJK51vEMCvfnrISDr69UJkcooBwuQ/view?usp=sharing>

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	4545 SQUAD	
NAMA PEJABAT	MN SARAWAK	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT. MUDA (M) WAN MUHAMAD HAFIZ BIN WAN RANI	
TAJUK PROJEK	TUPANG BESI BOLEH LARAS	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p>Tupang Besi Boleh Laras dicipta untuk meningkatkan tahap kecekapan kapal dalam mengawal banjiriran ketika berlaku kerosakan pada struktur kapal serta mengurangkan kos dan meminimumkan masa yang diperlukan ketika berlaku kerosakan. Tupang ini juga dapat mengelakkan berlakunya kerosakan dan banjiriran yang lebih besar.</p> <p>Tupang ini juga bertujuan untuk menguji cengkaman tapak tupang pada kerosakan yang berlaku pada bahagian kapal. Hasil daripada rekaan tupang ini dapat meminimumkan kerosakan pada struktur kapal ketika digunakan pada waktu kecemasan seterusnya dapat mengurangkan kos pembaikan kapal.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p>VIDEO PROJEK</p> <p>https://drive.google.com/file/d/1e6zVV2gnZkPOcEuokKhpkKTU4i6WO3SY/view?usp=sharing</p>	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	THE GUARDIAN ZMKK	
NAMA PEJABAT	ZON MARITIM KUALA KURAU	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT. (M) SYUHADHA BINTI SHARIP	
TAJUK PROJEK	BODY NET	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p><i>Body Net</i> dihasilkan bagi memudahkan anggota melakukan tatacara memindahkan mayat tanpa memudaratkan mayat yang berada di dalam air. Produk <i>Body Net</i> ini dapat mengurangkan risiko mayat daripada jatuh dan memudahkan anggota bot menguruskan mayat untuk dipindahkan ke dalam bot.</p> <p>Projek ini di hasilkan kerana anggota mengalami kesukaran semasa memindahkan mayat kerana permukaan dan reka bentuk bot yang tidak direka untuk operasi mencari dan menyelamat (SAR). Selain itu, keadaan mayat yang lemas lebih sensitif dan memerlukan cara yang lebih efektif bagi memastikan mayat yang perlu dipindahkan berada dalam keadaan yang baik.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <div style="text-align: center; margin-top: 10px;">  </div> <p>VIDEO PROJEK</p> <p>https://drive.google.com/file/d/1xvWSIHv0yj9C5qoMBE91C-nfQLV5y_wF/view?usp=sharing</p>	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	SKUADRON BOT	
NAMA PEJABAT	MARITIM NEGERI SARAWAK	
NAMA KETUA KUMPULAN	BK (M) LOUIS ANAK MANGGAI	
TAJUK PROJEK	MULTIPURPOSE HAMMER 1.0	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p><i>Multipurpose Hammer 1.0</i> dicipta untuk memudahkan kerja-kerja penjagaan dan penyelenggaraan oleh anggota kapal dan bot. Projek ini merupakan satu inovasi yang menggabungkan beberapa peralatan yang sedia ada seperti Chipping Hammer, Scraper dan Wire Brush yang digabungkan menjadi satu alat yang di panggil Multipurpose Hammer 1.0.</p> <p>Alat ini dapat menjimatkan kos pembelian, peralatan kos murah, menjimatkan tenaga kerja dan mesra pengguna. Di masa akan datang, alat ini boleh di pasang dengan perlatan yang baru seperti tukul, pemutar skru, kapak, mata gergaji dan lain-lain alat lagi bagi kegunaan kerja-kerja senggaraan di kapal, bot dan juga bangunan mengikut keperluan masa ke semasa.</p>	
	<p>GAMBAR PROJEK</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">    </div> <p style="text-align: center;"><i>gambar Set multipurpose hammer 1.0</i></p> <p style="text-align: center;"><i>gambar cara penggunaan multipurpose hammer 1.0</i></p> <p>VIDEO PROJEK</p> <p>https://drive.google.com/file/d/1QkgxpBu0qPCN-FJY4EwTqUaFZlOMs5uM/view?usp=sharing</p>	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	MCG PROMAX	
NAMA PEJABAT	ZON MARITIM BINTULU	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT. MUDA (M) HAMIDI MURAD	
TAJUK PROJEK	PELAMPUNG KESELAMATAN 2.0	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p>Pelampung Keselamatan 2.0 dicipta ke atas pelampung keselamatan (<i>life bouy</i>) sedia ada dengan penambahan ciri-ciri tambahan seperti alas tempat duduk. Dengan wujudnya alas tempat duduk pada <i>life bouy</i>, ia dapat membantu mangsa daripada menggunakan tenaga yang lebih untuk berpaut pada jangka masa yang lama. Ia juga dapat mengurangkan kebimbangan pada mangsa daripada tenggelam ke dalam air.</p> <p>Dengan menggunakan pelampung ini, sekiranya mangsa berada di dalam air, ia dapat mengurangkan mangsa menjadi letih dan tidak bermaya untuk berpaut dalam masa yang lama yang boleh menyebabkan mangsa akan tergelincir dari pautan dan terus tenggelam ke dalam air. Pelampung Keselamatan 2.0 ini secara teoritikalnya dapat meningkatkan daya apungan mangsa berpaut dalam masa yang lama dan menjamin keselamatan mangsa daripada tenggelam.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  </div> <div style="text-align: center;">  </div> <div style="text-align: center;">  </div> </div>	



KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	KIK PERWIRA MNJ	
NAMA PEJABAT	KM PERWIRA, MARITIM NEGERI JOHOR	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT. (M) AZWANDY BIN MAAROF	
TAJUK PROJEK	e-DOC MMEA (DOKUMENTASI ASAS SERAH/TERIMA TANGKAPAN)	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p>E-Doc MMEA (Dokumentasi Asas Serah/Terima Tangkapan) merupakan sebuah aplikasi yang di bina bagi mengumpulkan dokumen asas tangkapan yang sering diguna pakai oleh pegawai dan anggota APMM dalam satu aplikasi sahaja dan tanpa memerlukan capaian internet kerana kekangan di laut untuk menerima capaian internet.</p> <p>Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk membantu dan memudahkan pegawai dan anggota agensi untuk menguatkuasakan undang-undang di lapangan kerana aplikasi ini bertindak sebagai sebuah rujukan yang boleh digunakan ketika menjalankan penguatkuasaan. Dengan terciptanya aplikasi ini juga, penguatkuasaan maritim dapat dipertingkatkan di kalangan semua pegawai dan anggota agensi agar lebih yakin di samping sebagai fasiliti sebagai bahan rujukan yang lebih efisien dan dinamik.</p>	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	TIDAL WAVE	
NAMA PEJABAT	MARITM NEGERI PULAU PINANG	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT MUDA (M) MUHAMMAD AFIQ BIN ADNAN	
TAJUK PROJEK	ALAT PENGHALANG TIKUS	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p>Projek Alat Penghalang Tikus ini merupakan satu inisiatif inovatif yang dibangunkan bertujuan untuk menangani ancaman tikus di dalam kapal yang sering menjadi masalah serius dalam industri perkapalan, khususnya kapal operasi di bawah seliaan APMM.</p> <p>Projek ini bertujuan mencipta sebuah alat penghalang tikus yang cekap dan berkesan yang mampu mencegah tikus daripada memasuki kapal melalui pelbagai titik akses. Alat yang dicadangkan ini merupakan penghadang fizikal. Rekabentuk penghadang fizikal yang inovatif akan dipasang di sekitar akses kapal melalui tali tambat yang sering digunakan oleh tikus sebagai laluan ke kapal. Dengan menggunakan bahan terpakai seperti penutup balang air nelayan, ia dapat menjimatkan kos perolehan dan penyelenggaraan dan mengurangkan kerugian akibat kerosakan yang disebabkan oleh tikus.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> 	

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM TAHUN 2024

NAMA KUMPULAN	STARING SUMIT TEAM	
NAMA PEJABAT	MARITIM NEGERI SARAWAK	
NAMA KETUA KUMPULAN	LT (M) MUHAMMAD ZAIDIEE HELMIEE BIN OSMAN	
TAJUK PROJEK	HOOK AND MOOR	
KATEGORI	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN
RINGKASAN PROJEK	<p>TUJUAN</p> <p><i>Hook And Moor</i> adalah inovasi untuk meningkatkan tahap kecekapan atur gerak tali tambatan semasa proses merapat di boya terutama dalam cuaca dan arus laut yang tidak menentu. Alat ini juga sebagai alternative tambahan bagi anggota bot untuk merapat di kapal.</p> <p><i>Hook And Moor</i> ditakrifkan sebagai alat yang digunakan untuk menghalang hentakan atau geseran dari kapal dan bot ketika kapal dan bot sedang bertambat dan bergoyang disebabkan oleh faktor cuaca buruk atau arus laut yang tidak menentu. Jenis <i>hook and moor</i> yang digunakan bergantung kepada saiz kapal dan bot dan ketahanan sesebuah alat ini berbeza mengikut material yang digunakan.</p> <p>GAMBAR PROJEK</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p>VIDEO PROJEK</p> <p>https://drive.google.com/file/d/1bQNb00ozxf15TTT4hBcideTilE9E-mK/view?usp=sharing</p>	

SEKIAN TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH

**CAWANGAN KEURUSETIAAN & INOVASI
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**